

<https://news.usm.my>

Berita Mutakhir

# 20 AUG

## USM-RICD SUMBANG KERUSI RODA KHAS KEPADA OKU

KUBANG KERIAN, 20 Ogos 2016 – Universiti Sains Malaysia (USM) melalui kolaborasi dengan Rajanagarindra Institute of Child Development, Thailand (RICD) mengadakan Program Pengubahsuaian Khas dan Penyerahan Kerusi Roda kepada 20 orang Orang Kelainan Upaya (OKU) hari ini.

Projek modifikasi khas kerusi roda ini telah berlangsung selama empat tahun berturut-turut bermula 2013 hasil persefahaman yang ditandatangani di antara USM dengan RICD.

Pengarah Jaringan Industri dan Masyarakat (BJIM) USM, Syed Yusof Syed Kechik berkata program ini memberi impak besar kepada Universiti dan juga komuniti yang memerlukan.





"Tahniah kepada Pusat Pengajian Sains Kesihatan (PPSK) dan Jabatan Pembangunan Kampus Kesihatan yang memberi sokongan padu sehingga tertubuhnya Pusat Perkhidmatan dan Modifikasi Kerusi Roda dalam usaha membantu golongan OKU.

"Nilai bagi 20 buah kerusi roda yang disumbangkan pada hari ini adalah RM 162,109.00 yang mana jika dinilai sejak 2013, jumlah keseluruhan adalah hampir setengah juta ringgit dan ia telah dimanfaatkan oleh 200 orang kelainan upaya di seluruh Malaysia," katanya melancarkan program tersebut di sini.

Pensyarah Kanan Terapi Carakerja selaku Ketua Projek Transformasi OKU PPSK, Dr. Mohd Zulkifli Abdul Rahim berkata, melalui program ini setiap kerusi roda akan dimodifikasi khas mengikut saiz badan dan penyakit yang dialami oleh setiap pengguna untuk memberi keselesaan dan kesesuaian kepada mereka dalam menjalani aktiviti seharian serta mengelakkan mendapat kecacatan disebabkan bentuk kerusi roda biasa yang tidak menepati keadaan dan keperluan diri seseorang seperti postur tubuh yang tidak betul.

Program ini juga mendapat kerjasama daripada Mental Health Centre Region 12.

Yang turut hadir dalam program ini ialah Timbalan Dekan Penyelidikan Dan Pengajian Siswazah, PPSK, Profesor Madya Dr. Lim Boon Huat; Timbalan Dekan Akademik, Pelajar & Alumni, PPSK, Profesor Dr. Wan Rosli Wan Ishak; Pengurus Besar Mental Health Centre Region 12, Nasruding Saehbaka dan Pengurus Projek RICD, Joseph Tell.

Teks & Foto: Mohd Hafiz Yaacob



Share This

**Pusat Media dan Perhubungan Awam / Media and Public Relations Centre**

Level 1, Building E42, Chancellory II, Universiti Sains Malaysia, 11800 USM, Pulau Pinang Malaysia

Tel : +604-653 3888 | Fax : +604-658 9666 | Email : [pro@usm.my \(mailto:pro@usm.my\)](mailto:pro@usm.my)

Laman Web Rasmi / Official Website : [Universiti Sains Malaysia \(http://www.usm.my\)](http://www.usm.my)

[Client Feedback / Comments \(http://web.usm.my/smbp/maklumbalas.asp\)](http://web.usm.my/smbp/maklumbalas.asp) | USM News Portal. Hakcipta Terpelihara USM 2015